



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “PERSIAPAN DAN ADAB MENYAMBUT AIDILFITRI”

29 April 2022 / 27 Ramadan 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ  
بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ  
يَا حَسَنًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْ صِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan setiap larangan Nya; bersifat ikhlas semasa melakukan amalan serta bersifat amanah ketika menggalas tanggungjawab; mudah-mudahan kita dianugerahi taufik dan inayah sebagai petunjuk sepanjang jalan. Menjelang Aidilfitri, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### “PERSIAPAN DAN ADAB MENYAMBUT AIDILFITRI”

Setelah sebulan menjalani ibadah Ramadan, semoga diri kita telah dipersiapkan untuk menyambut Aidilfitri secara bermakna. Puasa ibarat perisai, menangkis segala perbuatan mungkar dan maksiat; puasa laksana anak kunci yang dapat membuka segala pintu kebaikan; puasa memberi peluang kepada setiap Muslim untuk memperbaiki amalan dan akhlak, dan puasa membantu membentuk peribadi yang lebih soleh. Allah SWT turut menawarkan ganjaran yang sangat besar, iaitu pengampunan dosa bagi mereka yang berpuasa dengan penuh keimanan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Aidilfitri adalah saat seseorang Muslim kembali kepada fitrah asalnya yang suci; permulaan untuk membina peribadi dan sahsiah yang terzahir daripada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW; kesinambungan proses pengislahan dan penambahbaikan nilai-nilai serta amal perbuatan.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Di antara kelebihan yang ada pada hari raya ialah kegembiraan yang diraikan bersama seluruh umat Islam sebagai lambang kesyukuran dan membesarkan Allah SWT selaras dengan firman Nya;

...وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُمۡ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Bermaksud: Hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan mengagungkan Allah atas petunjuk Nya yang diberikan kepada mu, agar kamu bersyukur.

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Zakat fitrah diwajibkan kepada setiap umat Islam, ditunaikan untuk diri sendiri dan untuk orang yang berada di bawah tanggungannya. Kadar zakat fitrah yang ditetapkan, tidak membebankan. Sebenarnya, zakat fitrah bertujuan untuk membolehkan setiap umat Islam, meskipun dia seorang fakir dengan harta yang dimilikinya tidak mencukupi nisab, tetapi berpeluang merasakan tangannya berada di atas sebagai pemberi. Pada masa yang sama, kerana kefakirannya, dia pula berhak menerima zakat tersebut. Zakat fitrah menjadi medan latihan untuk membentuk jiwa yang suka memberi dan menginfakkan harta di jalan Allah, baik ketika senang mahupun susah. Saidina Ibnu Abbas RA meriwayatkan sebuah hadis:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لِلَّهِ زَكَاةَ الْفِطْرِ: طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللُّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ فَمَنْ  
أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَّقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ

Bermaksud: Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah; untuk membersihkan diri orang yang berpuasa daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan juga sebagai (bantuan) makanan bagi orang miskin. Barang siapa yang membayar zakat fitrah sebelum solat Aidilfitri, nescaya zakatnya diterima, manakala bagi yang membayarnya sesudah solat, maka ia dikira sedekah biasa.

(Riwayat Ibnu Majah 1827)



## Jemaah yang dimuliakan,

Setelah dua tahun, umat Islam di negara ini, dengan segala kesabaran, redha menerima ujian Ilahi ketika menghadapi tragedi Covid-19, pada tahun ini, Insyallah kita akan dapat merayakan Aidilfitri dalam suasana yang lebih riang dan ceria; masjid dan surau akan diimarahkan pada malam dan pagi Syawal pertama dengan gema takbir dan tahmid, anggota keluarga dapat berhimpun, jiran tetangga boleh berkunjung. Aidilfitri hendaklah disambut dalam suasana yang mensyukuri kurniaan Ilahi, dan dengan semangat dan roh yang menginsafi seruan Ilahi. Islam amat mementingkan kesederhanaan dalam setiap perkara, termasuklah ketika ummah sedang menantikan saat-saat kedatangan Aidilfitri. Persediaan perlu dilakukan mengikut kemampuan kewangan diri, dielakkan sebarang bentuk berunsur riak, untuk bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk; jauhkan perbuatan membazir yang sangat dilarang oleh agama.

Ummah perlu bersifat sederhana dalam keriangannya meraikan Aidilfitri bersama-sama sanak saudara, jiran tetangga, rakan dan teman. Keselamatan diri dan ahli-ahli keluarga wajib diberikan keutamaan.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menjelang Syawal ummah hendaklah terus istiqamah ketika melalui hari-hari terakhir Ramadan dengan memperbanyakkan ibadah. Dalam suasana keriangannya dan kegembiraannya ummah menanti hari lebaran, khatib ingin memperingatkan kepada perkara-perkara menyentuh adab sambutan:

**Pertama:** Menyambut hari lebaran ialah ibadah. Jadikan hari lebaran sebagai kemenangan yang hakiki dengan mengisi sambutan mengikut lunas syariat yang ditetapkan oleh Nabi SAW. Perbanyakkan bertakbir dan bertahmid memuji Allah yang Maha Esa sebagai tanda syukur atas segala tawaran ganjaran dan pengampunan yang dihidangkan oleh Allah SWT dalam bulan Ramadan.

**Kedua:** Mempamerkan sifat-sifat ihsan dan keinsanan kepada golongan miskin, anak yatim, orang-orang yang dalam keuzuran dan kedaifan, dengan membantu mengembirakan hati mereka sama ada secara menghadiahkan pakaian baru, makanan istimewa atau sedekah dan hadiah.

**Ketiga:** Menyantuni kedua-dua ibu bapa, dan menceritakan saudara-saudara tua dan orang-orang yang berada dalam kedaifan dan keuzuran, dengan menziarahi mereka.



**Keempat:** Tidak melakukan pembaziran, dengan kesedaran bekalan makanan semakin kurang dan harga makanan semakin meningkat. Oleh itu, ummah perlu mengamalkan sifat berjimat cermat dan jangan berlebih-lebihan menghidangkan makanan hingga berakhir dalam tong sampah.

### **Para tetamu di rumah Allah yang dimuliakan**

Jadikan hari lebaran sebagai hari yang memberikan kegembiraan kepada kita dan ahli keluarga dengan memohon doa dan berikhtiar supaya dijauhi dari perkara-perkara yang boleh menjejaskan suasana gembira. Untuk itu mimbar sukacita memperingatkan para jemaah untuk memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Memandangkan kita masih belum bebas sepenuhnya daripada ancaman virus COVID-19, amat wajib dipatuhi langkah-langkah mencegah jangkitan berpandukan nasihat dan garis panduan Kementerian Kesihatan. Seboleh-bolehnya elakkan sentuhan fizikal, memakai pelitup muka di tempat-tempat yang diperlukan, hindari diri daripada berada di tempat yang sesak manusia sedangkan putaran udaranya terhad, sentiasa membasuh tangan, lebih baik mandi setiap kali pulang ke rumah sebelum menyentuh anak-anak kecil.

**Kedua:** Antara 29 April hingga 2 Mei, lebih dua juta kenderaan dijangka melakukan perjalanan sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Persediaan dan perancangan perjalanan hendaklah dititikberatkan dengan memastikan kenderaan dalam keadaan baik, pemandu tidak dalam keadaan letih dan mengantuk, lebih utama demi nyawa dan keselamatan, pemandu bersifat sabar, tidak gopoh dan terburu-buru ketika berada di jalan raya.

**Ketiga:** Untuk mencegah perbuatan pecah rumah, maklumkan kepada jiran terdekat atau Balai Polis jika meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama kerana balik ke kampung.

**Keempat:** Ibu bapa atau penjaga mengawasi dan memantau anak-anak ketika bermain mercun atau bunga api.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, terimalah segala amal ibadah kami sepanjang bulan Ramadan ini dan ketemukan kami dengan Ramadan seterusnya. Janganlah Engkau keluarkan kami dari bulan yang mulia ini melainkan segala dosa kami telah diampuni. Berkati rezeki kami, bimbing kehidupan kami, lapangkan dada kami, kurniai kami dengan keafiatan, luaskan kubur kami dan masukkan kami bersama anak cucu kami ke dalam syurga Mu.

**Ya Razzaq**, berkati hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
 فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
 عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
 تَصْنَعُونَ.